

26/07/2002

Ceramah Pas: Umno Shah Alam buat laporan polis

SHAH ALAM, Khamis - Umno bahagian Shah Alam membuat laporan polis mengenai satu ceramah Pas yang tajuknya dikatakan menyamakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan binatang.

Laporan itu dibuat sekumpulan ahli Jawatankuasa Bertindak Antifitnah Umno bahagian berkenaan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) Shah Alam, kira-kira jam 9.30 pagi.

Ceramah bertajuk 'Air Mata Buaya Dr Mahathir' anjuran Pas cawangan Seksyen 9 itu, dijadual diadakan di Dewan Bestari Pas, Jalan Tuanku Ampuan Zabedah G 9/G, Seksyen 9 di sini, pada jam 9.30 malam ini.

Setiausaha Agung Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Sanusi Othman dan Yang Dipertua Pas Lembah Pantai, Azhar Yaakub dijangka menyampaikan ceramah.

Wakil jawatankuasa, Mohd Azhar Othman, berkata tajuk itu sengaja direka dengan niat jahat bagi membuat cercaan peribadi dan menghina Dr Mahathir dengan menyamakannya dengan binatang.

Beliau berkata, pihaknya berpendapat tindakan itu sebagai biadab, keterlaluan dan melampaui batas dan bertujuan menyambung senario pilihan raya kecil di Pendang dan Anak Bukit, Kedah, minggu lalu.

"Kini, mereka mahu meneruskan agenda jahat dengan menganjurkan ceramah untuk menghina Perdana Menteri yang juga Presiden Umno di Shah Alam pula," katanya ketika ditemui, di sini hari ini.

Berdasarkan poster dan risalah, bayaran RM5 dikenakan walaupun perkataan 'Infaq Ikhlas Untuk Jihad Menentang Kezaliman' turut dimuatkan.

Mohd Azhar berkata, pihaknya berharap polis menjalankan siasatan dan mengambil tindakan tegas, termasuk membatalkan ceramah dan mendakwa penganjur mengikut Akta Hasutan.

Majlis Perbandaran Shah Alam (MBSA) juga harus mengambil tindakan berdasarkan peruntukan undang-undang kecil kerana pembangkang menampal poster provokasi.

Mengenai pertemuannya dengan pegawai polis, beliau berkata, polis tidak menolak mengenai kemungkinan menghadapi kesukaran bertindak kerana ceramah itu diadakan di kawasan tertutup.

"Bagaimanapun, jemputan ceramah bukan sekadar membabitkan ahli Pas saja, malah rakyat turut dipelawa berdasarkan perkataan dalam poster. Bayangkan, jika ia melimpah keluar dewan.

"Malah, kerap kali ceramah Pas diadakan, penjualan kaset dan bahan bercetak yang mengandungi fitnah dan menghina pemimpin Umno, dijual secara berleluasa," katanya.